

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab**

Tuan,

**PENGGUNAAN DANA AM G000 BAGI KOD AKAUN BELANJA (B0xxxxxx) DALAM PENYEDIAAN KEW.50E (PWR), ARAHAN PEMBAYARAN DAN RESIT TERIMAAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak mendapati masih terdapat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menggunakan **Dana Am G000** bagi kod **akaun belanja (B0xxxxxx)** sewaktu menyediakan **KEW.50E (PWR), Arahan Pembayaran** atau menyediakan **resit terimaan** (selain kod hasil dan deposit).

3. Oleh yang demikian, pihak JANM Negeri Perak ingin memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk menggunakan **Vot / Dana yang sepatutnya selain G000** sewaktu menyediakan Arahan Pembayaran dan juga resit terimaan. Contoh **Vot / Dana** yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

<b>MODUL</b>	<b>VOT / DANA</b>	<b>CATATAN</b>
<b>Arahan Pembayaran</b> (Selain akaun amanah)	<b>Bxx / Pxx / Sxx</b>	Vot / Dana adalah mengikut waran peruntukan yang diterima.
<b>Arahan Pembayaran</b> (Akaun amanah)	<b>Lxx (Amanah)</b>	Bagi perbelanjaan akaun amanah, sila gunakan dana amanah yang berkaitan.
<b>Terimaan</b> Selain kod akaun hasil (Hxxxxxxx) dan deposit (L11xxxxx)	<b>Bxx / Pxx /Sxx</b>	Pulangan balik perbelanjaan terlebih bayar bagi tahun semasa.  Contoh: Bayaran balik emolumen terlebih bayar bagi tahun semasa.

<b>MODUL</b>	<b>VOT / DANA</b>	<b>CATATAN</b>
<b>Terimaan</b> (Akaun amanah)	<b>Lxx (Amanah)</b>	Bagi terimaan hasil akaun amanah, sila gunakan dana amanah yang berkaitan.

4. Penggunaan Dana Am G000 hanyalah dibenarkan bagi kod akaun deposit (L11xxxxx), akaun penyelesaian (L13xxxxx / A29xxxxx), dan akaun hasil (H0xxxxxx).

5. Untuk pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462100 sambungan 124/123/122/121/120/107. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

**UNIT AKAUN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**